


SINAR HARIAN
24 JULY 2010

Warna-Warni JOHOR

USAHAWAN
LADANG TEREH MUKIM PALOH, KLUANG



Minat dorong Azhar tukar kerjaya

Berkat kesabaran undang kejayaan membanggakan

Sebahagian daripada lembu yang ditekam Azhar.

MOHD FIRDAUS YON

Minat dan kecenderungan yang mendalam terhadap sains penternakan mendorong seorang bekas Eksekutif Operasi Perladangan dari Kulim (Malaysia) Berhad menjadi penternak berjaya.

Azhar Abdol Rahman @ Abdullah, 45, yang berasal dari Batu Pahat, kini mampu tersenyum gembira apabila berkat kesabaran dan kesungguhannya dalam kerjaya barunya itu mengundang kejayaan membanggakan.

Pelbagai baka

Menurutnya, ternakan lembu menerusi Kulim Livestock Sdn Bhd (KLSB) yang ditubuhkan pada 28 Julai 2008 sudah berjaya menjangkai jumlah 1,500 ekor dari pelbagai baka kacukan tempatan dan import.

"Saya sendiri tidak dapat membayangkan boleh memiliki syarikat sendiri iaitu (KLSB) seterusnya menjadi seorang pengusaha di dalam industri pembiakan, pembaikan baka dan penggemukan lembu pada hari ini, namun tetap bersyukur dengan rezeki pemberian ilahi.

"Kini, saya sudah mempunyai pelbagai pasaran bagi ternakan meliputi penjualan lembu hidup bagi maksud penyembelihan dan sumber baka untuk penternak lain," katanya.

Azhar berkata, dia juga dipilih

oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan negeri sebagai salah seorang peserta program Ladang Pengganda Brahman peringkat negeri berdasarkan kemampuannya untuk menghasilkan lembu baka Brahman yang dikenali sebagai 'Brahman Johor'.

Brahman Johor

Menurutnya, pencapaian cemerlangnya dalam bidang itu juga menyaksikan KLSB menjadi pembekal utama kepada pemborong dan orang perseorangan yang membeli haiwan ternakan untuk musim perayaan bagi tujuan Aqiqah serta

Qurban.

"Segalanya bermula kesanggupan saya menerima cabaran untuk berubah menjadi usahawan yang menitik beratkan kepada pengeluaran produk diyakini bersih dan halal menerusi penggunaan kaedah Intrapreneur Venture Kulim.

"Pendekatan intrapreneur ini diwujudkan sebagai sebuah program pembangunan usahawan unik berasaskan pendekatan pasaran sepenuhnya yang mampu memperluaskan lagi peluang penyertaan keusahawanan kepada lebih ramai golongan usahawan," katanya.

Azhar berkata, aktiviti utama KLSB adalah penternakan lembu secara integrasi di kawasan ladang

kelapa sawit dengan menggunakan kaedah ragutan terkawal (green lotting) dan pada masa Gerompok Pembiakan (Breeding Herd).

"Aktiviti-aktiviti ini disatukan di bawah satu divisyen dikenali sebagai Divisyen Pembiakan dan ladang yang terletak di Ladang Sungai Sembong (Mukim Kahang, Kluang), Ladang Tereh Selatan dan Ladang Tereh Utara (Mukim Paloh, Kluang).

"Ladang kelapa sawit ini juga merupakan ladang milik kumpulan Kulim (Malaysia) Berhad yang kini diurus tadbir oleh EPA Management Sdn Bhd, bertindak sebagai agen pengurusan perladangan kumpulan.

"Sebagai pelengkap di dalam industri ini, KLSB kini mempunyai sebuah ladang penggemukan lembu (Fidlot) yang beroperasi di atas sebidang tanah seluas 8 hektar yang terletak di Kampung Melayu Bukit Nyamuk, Simpang Renggam dikenali sebagai Divisyen Fidlot, Ladang Kuala Kabong," katanya.

Ragutan terkawal

Difahamkan, ladang Fidlot itu berkeupayaan untuk melaksanakan operasi penggemukan lembu sehingga 1,000 ekor pada satu masa.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan yang banyak membantu bagi memastikan kesihatan haiwan ternak sentiasa

terjaga. Hasil daripada jalinan kerjasama yang baik antara dua pihak juga antara faktor amalan kawalan kesihatan di ladang ternak di bawah kawal selia KLSB dapat dipertingkatkan setiap tahun.

"Pelaksanaan program kesihatan haiwan ternak seperti memberi suntikan vaksinasi dapat dibuat sekurang-kurangnya dua kali setahun kerana urustadbir ladang yang baik menjadi keutamaan KLSB," katanya.

Tidak mudah

Azhar turut mengakui penjagaan ternakan lembu tidak mudah yang disangka sejajar dengan aspek 'Bio-Security' (penjagaan ternakan sihat tanpa dijangkiti penyakit) khususnya menerusi pemakanan haiwan. "Walaupun pemakanan utama adalah pastura di dalam ladang, namun pastura yang mengandungi nutrien penting sahaja digalakkan tumbuh kerana kaedah ini bersesuaian dengan salah satu misi syarikatnya iaitu 'Give it Back to Nature'," katanya.

Difahamkan, bekalan pasturanya itu kini mencukupi berdasarkan simpanan keluasan kawasan tanaman sawit di dalam 'Land Bank' yang diwujudkan mengikut kadar perkiraan sekitar 5,000 hektar setahun.

Menurutnya, menjadi sasaran syarikat memiliki 4,000 ekor induk betina dengan pengeluaran anak jantan sekitar 1,000 ekor setahun.



Penjualan lembu di Ladang Sungai Sembong, Kahang, Kluang.